




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **104 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **52,990 kes**. Pada hari ini, dua (2) kes kematian dilaporlkan iaitu satu (1) kes di Daerah Tenom dan satu (1) kes di daerah Keningau. Takziah kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Pada hari ini, seramai 74 pesakit COVID-19 telah discaj / sembah dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembah 51,436 orang. Pada hari ini juga sejumlah 722 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 248 orang di hospital, 466 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan Iapan (8) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 31 orang dan 14 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kota Belud berubah dari zon jingga ke zon merah, Beluran dari zon kuning ke zon jingga dan Kuala Penyu dari zon hijau ke zon kuning.

- 4 Pada hari ini, tiada kluster baharu direkodkan.
- 5 Daripada 104 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 50 kes (48.1%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 10 kes (9.6%), saringan kluster sedia ada 31 kes (29.8%), dan 13 kes (12.5%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 sebanyak 785 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 3,767 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula 490 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 5,042 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 14.32%.

- 7 PKRC Asrama Kompleks Sukan Sibuga, PKRC Marudu Inn dan Pusat Tahanan Sementara (PTS) Menggatal telah ditamatkan operasi sebagai PKRC pada hari ini. Pesakit dari PKRC Marudu Inn telah dipindahkan ke PKRC Dewan Komuniti Kota Marudu (PKRC baharu).

B PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI DAERAH NABAWAN, SABAH

- 1 KKM mengesahkan berlaku peningkatan kes secara mendadak yang melibatkan kluster di daerah Nabawan dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi.
- 2 Sehingga 28 Februari 2021, secara kumulatif sebanyak 177 kes positif telah dilaporkan yang melibatkan 15 buah kampung di daerah ini.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri Sabah bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di daerah Nabawan bermula **03 Mac sehingga 16 Mac 2021**.
- 4 Pelaksanaan PKP untuk mengawal pergerakan penduduk di daerah ini dan seterusnya untuk mengawal penularan jangkitan dalam komuniti.

C BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sehingga 01 Mac 2021, sejumlah **268,559** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan dibawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 49 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 28,493 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 22 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, tiada tangkapan dibuat namun 28 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 63 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang melibatkan sebanyak 85 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 43 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Pada hari ini, tiada tangkapan dilakukan.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan rondaan pemantauan pematuhan SOP peringkat komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) telah dilaksanakan di 453 lokasi melibatkan seramai 155 anggota APM dan 80 anggota RELA.
- 4 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di sembilan (9) premis, melibatkan lima (5) buah daerah iaitu daerah Kudat, Tambunan, Sandakan, , Ranau dan Kota Kinabalu.
- 5 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu, pelan Imunisasi COVID-19 dan Proklamasikan Darurat telah dilaksanakan di 78 lokasi melibatkan 12 daerah. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa etnik Sabah.
- 6 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 390 hebahan di seluruh Sabah.

E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **93.9%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kudat	95%
2	Semporna	95%
3	Sipitang	95%
4	Tenom	95%
5	Papar	94%
6	Tuaran	94%
7	Beaufort	94%
8	Kota Belud	94%
9	Ranau	94%
10	Beluran	94%
11	Penampang	94%
12	Kota Kinabalu	94%
13	Kinabatangan	94%
14	Lahad Datu	93%
15	Tawau	93%
16	Kota Marudu	93%
17	Sandakan	93%
18	Kunak	93%
19	Keningau	92%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II

01 Mac 2021